

TARIKH	JUMAAT, 1 JULAI 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SUNGAI CHANDONG BERTUKAR WARNA MERAH
M/S	14
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	POLLUTION

Lebih 100kg hidupan mati angkara pencemaran sisa kimia

# Sungai Chandong bertukar warna merah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KLANG** – Kira-kira 200 penduduk Orang Asli di jeti Pulau Indah di sini terpaksa menahan bau kimia selama empat jam susulan dakwaan pembuangan sisa industri yang menjadikan Sungai Chandong di sini bertukar merah kelmarin.

Pencemaran mula dikesan kira-kira pukul 2 petang itu menyebabkan lebih 100 kilogram (kg) hidupan laut termasuk spesies ikan siakap, belanak, sembilang dan udang mati.

Lokasi jeti tersebut sebelum ini pernah digemparkan dengan penemuan pembuangan pakaian terpakai yang pernah dilaporkan Kosmo! tahun lalu.

Seorang penduduk Orang Asli, Hanafi Rahatan, 36, semasa kejadian dia baharu pulang dari menangkap ikan di laut dan terkejut dengan pencemaran itu.

Katanya, ini bukan kali pertama sungai itu bertukar menjadi merah dengan kali pertama pada Mac lalu.

"Sedih sebab bila sungai tercemar, ikan dan udang yang banyak



**BEGINILAH** keadaan Sungai Chandong yang bertukar merah selepas dikatakan dicemari sisa bahan kimia di Pulau Indah, Klang kelmarin.

di hulu sungai ini timbul dan mati. Pada pemerhatian saya ada lebih 100kg hidupan laut musnah.

"Kami ini kerja nelayan dan

pendapatan bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Dakwanya, pencemaran itu dipercayai daripada lepasan pembuangan sisa kilang berhampiran yang terletak kira-kira 10

kilometer daripada jeti itu.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu kilang mana satu. Mungkin mereka cari jalan mudah untuk buang sisa disebabkan berhampiran laut lepas," ujarnya.

Bagi rakannya, Ali anak lelaki Klang, 41, memaklumkan kejadian sungai menjadi merah itu berlarutan selama empat jam bermula pukul 2 petang.

Tambahnya, apa yang merisaukan adalah kanak-kanak kecil yang kerap mandi di sungai tersebut.

"Semalam (kelmarin) saya terpaksa melarang empat anak dan anak jiran daripada mendekati sungai tersebut.

"Ini kerana baunya kuat dan mengelak daripada berlakunya sebarang insiden tidak diinginkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Nor Aziah Jaafar ketika dihubungi berkata, pihaknya telah turun ke lokasi sebaik menerima aduan daripada berhubung pencemaran tersebut.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kita sedang mengesan pelakunya," tegasnya.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM